

Pemasangan kabel, sambungan utiliti haram akan dikenakan tindakan

Tiada kompromi punca banjir

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN

kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 MEI

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan berkompromi berhubung pemasangan kabel utiliti secara haram yang menutup saluran air dan menjadi punca berlakunya banjir di ibu negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md. Ikshan berkata, pemasangan kabel utiliti sepatutnya mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

“Bukan sahaja kabel utiliti, malah banyak kes kecurian air bawah tanah turut dilaporkan. Contohnya, Operasi Banteras Aktiviti Haram sebelum ini menemukan banyak kes sambungan utiliti haram khususnya di pusat urut.

“Orang ramai diminta melaporkan kepada DBKL untuk tindakan segera kerana banyak perkara perlu dipan-

tau sehingga hal seperti ini kadangkala terlepas pandang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan program Karnival Komuniti Ceria Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL Kawasan Zon 1 di PA Seri Melaka, Cheras, di sini semalam.

Yang turut hadir Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk Rizalman Mokhtar, Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL, Wan Mohammad Ghazali Nor dan Yang Dipertua Majlis Gabungan Pengerusi-Pengerusi Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Razak Abd. Karim.

Jumaat lalu, *Utusan Malaysia* menyiarkan kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), Datuk Mohd. Zain Hassan berhubung pemasangan kabel secara haram di dalam longkang selain binaan kekal yang menutup saluran air sebagai punca banjir.



KESEMPATAN turut diambil Adnan untuk menjalani pemeriksaan kandungan gula dan kolesterol dalam karnival tersebut.